
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMK 416 – Kajian Perbandingan Genre Kesusasteraan Terpilih

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab TIGA soalan kesemuanya. Jawab soalan 1 dari Bahagian A (Wajib), dan DUA soalan lagi dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Jawab SEMUA SOALAN KECIL (i) hingga (iv) (berjumlah 100 markah) yang berikut :

Berikan jawapan anda dalam bentuk **nota** atau **catatan ringkas** tentang perkara-perkara yang disebutkan di bawah ini :

- (i) Konsep *genre* oleh Wellek dan Warren (seperti dihuraikan pada bab berkenaan dalam *Teori Kesusasteraan*).
(25 markah)
- (ii) Konsep *genre* oleh M. Khalid Taib (seperti dihuraikan dalam makalah "Individu, Masyarakat dan Ideology dalam *Genre Klasik*").
(25 markah)
- (iii) Ciri-ciri wira menurut *genrenya*, berpandukan '*Theory of Modes*' oleh Northrop Frye (seperti dihuraikan dalam *Anatomy of Criticism*).
(25 markah)
- (iv) Perbezaan di antara 'mazhab Eropah' dan 'mazhab Amerika' dalam menerapkan kaedah 'Sastera Perbandingan' masing-masing.
(25 markah)

BAHAGIAN B

Pilih mana-mana DUA soalan berikut :

- 2. Berdasarkan kepada mana-mana satu karya yang telah anda kaji, yang mewakili satu *genre* sastera dalam tradisi Kesusasteraan Melayu Klasik, dan berpandukan '*Theory of Modes*' oleh Northrop Frye, (a) huraikan tentang ciri-ciri *genre* tersebut yang paling ketara dan (b) sarankan penggolongan atau klasifikasi bagi wira-wira yang terlibat di dalam karya berkenaan.
(100 markah)
- 3. Berdasarkan kepada mana-mana satu contoh atau 'teks' pilihan anda yang mewakili *genre* daripada Sastera Lisan (atau Sastera Rakyat) Melayu, dan berpandukan konsep-konsep *genre* Sastera yang disarankan oleh Andre Jolles dan M. Khalid Taib, huraikan tentang 'perkembangan' dan 'kesinambungan' *genre* tersebut.
(100 markah)

...3/-

4. Berpandukan tulisan oleh Boris Parnickel dan rujukan lain yang disarankan oleh beliau, bincangkan perbezaan kaedah '*puitika sejarahan*' Parnickel dengan aliran-aliran ilmu sastera yang tersebar di Eropah Barat semenjak abad ke-19 Masehi.

(100 markah)

- ooo O ooo -

